

Amaran 'Zon Bersih' tak berkesan

Sungai Klang di Taman Seri
Muda bagi empangan sampah

Oleh Shah Che Ahmad

pah dan orang ramai yang tidak



KEADAAN Sungai Klang di Taman Seri Muda yang dipenuhi sampah-sarap.

Amaran 'Zon Bersih' tak berkesan

Sungai Klang di Taman Seri Muda bagai empangan sampah

Oleh Shah Che Ahmad
bhnews@bharian.com

SHAH ALAM: Papan tanda amaran 'Zon Bersih' sudah dipasang berdekatan sungai di jambatan Sungai Klang, di Taman Seri Muda, di sini tetapi malangnya, ia tidak memberi sebarang kesan.

Ini kerana sungai berkenaan bagaikan empangan sampah apabila segelintir masyarakat langsung tidak mengendahkan peringatan yang diberikan.

Tinjauan *Sentral* mendapati sungai itu dipenuhi dengan bahan plastik, polisterin dan tin minuman bersama aliran minyak sepanjang lebih satu kilometer sungai berkenaan.

Lebih menyakitkan mata, semak-samun tumbuh meliar di sepanjang pinggir sungai berdekatan kawasan kilang itu.

Keadaan itu menimbulkan rasa tidak selesa serta bau busuk kepada orang awam yang melalui kawasan itu selain bimbang terdedah bahaya haiwan liar dan berbisa di celah semak setinggi lebih 1.5 meter itu.

Pengadu, Lo Jia Far, 43, berkata keadaan itu bukan saja menyakitkan mata memandangkan malah ia turut menggambarkan imej buruk negara kepada pelancong asing.

Beliau tidak menolak kemungkinan sampah sarap itu dibuang oleh pengusaha kilang berhampiran sungai, lori sam-

pah dan orang ramai yang tidak bertanggungjawab.

"Saya bimbang jika sungai ini tidak dibersihkan segera, kekotoran ini akan merebak ke seluruh sungai dan mengundang pelbagai permasalahan lain," katanya kepada *Sentral*.

Seorang peniaga berhampiran yang hanya ingin dikenali sebagai Lim, 32, berkata keadaan itu bukan saja menjejaskan perniagaannya, malah turut mengundang bahaya kerana bimbang kedainya dimasuki binatang berbisa.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar Selangor, Datin Che Asmah Ibrahim ketika dihubungi berkata, pihaknya sudah maklum mengenai perkara itu hasil pemantauan kakitangan jabatan itu.

Katanya, pihaknya dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan mengambil tindakan susulan di samping terus memantau kilang berhampiran bagi memastikan mereka tidak melepaskan sisa pepejal ke dalam sungai.



Saya bimbang jika sungai ini tidak dibersihkan, kekotoran ini akan merebak ke seluruh sungai

Lo Jia Far
Pengadu